

Tunggu, ada lagi!

Kunjungi ruang tafsiran di Aras 2 untuk mengetahui cara batik dibuat. Lihat dan sentuh peralatan serta bahan-bahannya, ketahui makna di sebalik reka bentuk tradisional, dan cuba membuat batik digital anda sendiri!

...dan banyak lagi!

Nantikan lawatan berpermudu, bengkel, dan kegiatan berkaitan pameran Batik Kita. Berhubung dengan kami di www.acmevents.peatix.com atau layari laman web kami www.nhb.gov.sg/acm untuk kemas kini!

DIANJURKAN OLEH

SEBUAH INSTITUSI

DISOKONG OLEH

PENYOKONG UTAMA

NG TENG FONG CHARITABLE FOUNDATION 黃廷方慈善基金

THE FULLERTON HOTELS AND RESORTS 富丽敦酒店集团

Dibangunkan oleh Jabatan Penonton Muzium Tamadun Asia (ACM)
© Muzium Tamadun Asia, Singapura 2022
Reka bentuk dan ilustrasi oleh Esther Goh

17 JUN — 2 OKTOBER 2022

batik kita

DRESSING IN PORT CITIES

Jejak Aktiviti
SESUAI UNTUK
YANG BERUMUR
7 TAHUN DAN
KE ATAS


batik kita

DRESSING IN PORT CITIES

Pilih kad dari folder ini dan cari corak batik itu di dalam pameran khas kami. Selepas anda menemuiinya, terbalikkan kad ini untuk beberapa aktiviti yang menyeronokkan!

Apakah itu batik?

Batik ialah satu bentuk seni tradisional yang melibatkan penggunaan lilin dan pewarna untuk mencipta corak yang cantik dan rumit pada kain. Terdapat begitu banyak cara yang berbeza untuk memadankan motif batik yang berbeza sehingga hamir tiada dua corak batik yang pernah sama!





Parang rusak Sri Sadono latar putih
Jawa Tengah, Solo, 1990–91
Batik tulis. Kain kapas, pewarna sintetik
1991-00110



Bolehkah anda nampak ini?

Susunan menyerong corak berbentuk S pada batik ini dikenali sebagai motif parang rusak. Ini adalah salah satu reka bentuk yang paling penting, dan yang paling kerap dipakai di istana-istana Jawa Tengah. Pada masa lalu, reka bentuk ini hanya dikhaskan untuk kerabat diraja, dan orang biasa dilarang memakainya!

Sambungkan titik-titik




Apakah motif lain yang terdapat dalam batik istana tradisional Jawa?

Sambungkan titik-titik di bawah ini untuk mengetahui.

Kemudian, lihat jika anda boleh mencari motif ini di sekitar pameran.

Garuda

Makhluk seperti burung yang berfungsi sebagai pendamping dewa Jawa/Bali, Wisnu (Vishnu).



Truntum

Lambang cinta dan kesetiaan, reka bentuk ini dilahamkan daripada bunga, tetapi juga menyerupai bintang di langit pada malam yang cerah.





Kain sarong iwak etong, motif haiwan laut yang unik di Indramayu
Jawa Barat, Indramayu, 1991-00222
Batik tulis. Kain kapas, pewarna sintetik




Bolehkah anda nampak ini?

Makhluk bawah air apakah yang dapat anda lihat di sini? Corak ini dikenali sebagai iwak etong yang bermaksud ikan dan udang. Haiwan laut pada batik ini dilukis menggunakan canting, iaitu alat yang digunakan oleh pembuat batik untuk melukis dengan lilin. Lilin digunakan untuk menahan pewarna daripada menembus ke bahagian kain di bawah lilin, lantas mencipta corak.

Lukiskan

Lakarkan haiwan laut lain yang sesuai dengan batik ini!



Buat sendiri di rumah

Anda mungkin tidak mempunyai canting, tetapi anda boleh membuat aktiviti penahan krayon lilin anda sendiri di rumah! Cuba reka corak batik menggunakan haiwan laut yang telah anda lukis, atau gunakan reka bentuk lain yang anda suka dari pameran ini.

Arahan:

Lukiskan corak atau gambar pada kertas anda menggunakan krayon lilin putih. Kemudian, gunakan pewarna air untuk mengecat ke atas kertas. Garisan krayon lilin akan "menahan" cat pewarna air.

Bahan-bahan yang anda perlukan:







Kain panjang mega mendung
Jawa Barat, Cirebon, Trusmi, 1990–91
Batik tulis. Kain kapas, pewarna sintetik
1991-00105



Bolehkah anda nampak ini?

Tahukah anda bahawa reka bentuk ini diilhamkan daripada awan di langit? Dikenali sebagai mega mendung, motif ini adalah lambang kesabaran, dan peringatan tentang nilai sikap yang tenang.

Kenalpasti dan susun



Terdapat banyak motif batik dalam pameran ini yang diilhamkan daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan lain-lain benda daripada alam semula jadi. Bolehkah anda mencarinya semua?
Namakan atau lukiskannya dalam ruangan di bawah!

Tumbuh-tumbuhan

Haiwan

**Pembentukan
semula jadi**



MOSAIC PUBLISHING

CO. LTD. NEW YORK N.Y. U.S.A.



Kain panjang Slamet Pake
(Selamat Pakai) dengan telur Easter
dan bangau

Jawa Tengah, Pekalongan, 1920-an
Batik tulis. Kain kapas, pewarna sintetik
T-0811




Bolehkah anda nampak ini?

Kain panjang ini mungkin dibuat untuk menyambut kelahiran bayi. Jika anda lihat dengan teliti, anda boleh perasan ada burung bangau yang membawa bayi, wanita berpakaian Barat, Kupid dan telur Easter!

Corak batik ini dikenali sebagai batik Belanda. Ia dibuat untuk masyarakat Belanda atau Belanda-Indonesia di Jawa pada masa itu. Reka bentuk popular pada batik Belanda termasuk sejambak bunga dengan ros atau tulip, dan watak serta adegan dari cerita dongeng Eropah.

Cuba Mengintip

Lihat jika anda boleh perasan reka bentuk yang ditunjukkan di bawah pada batik ini. Letakkan tanda dalam kotak di sebelah setiap reka bentuk yang anda temui.







Kain panjang tambal
Java, Yogyakarta, sekitar 1950
Batik tulis. Kain kapas, pewarna sintetik
T-0776



Bolehkah anda nampak ini?

Lihat tampilan segitiga itu! Dahulu, batik bercorak perca (dipanggil "batik tambal") dipakai oleh orang istana Jawa Tengah. Menggabungkan corak dan motif yang berbeza pada satu kain dipercayai memberi fabrik itu kuasa untuk melindungi pemakainya dan menangkis penyakit dan kejahanatan.


Lihat dengan teliti


Corak dalam batik tambal jarang diulang. Berapa banyak corak berbeza yang anda boleh lihat pada batik ini? Walaupun tampilan di sini berbentuk segi tiga, reka bentuk tampilan lain mungkin menggunakan bentuk yang berbeza, seperti segi empat tepat atau bentuk pingat. Lihat jika anda boleh menemukan batik lain dalam pameran ini yang mempunyai bentuk yang berbeza dalam kain tampilannya.

Lengkapkan tampilan



Gunakan pelekat yang disediakan dalam pek ini untuk mencipta corak tampilan unik anda sendiri. Anda juga boleh menambah lukisan beberapa motif yang anda lihat di pameran ini!





Gunakan pelekat di sini untuk membantu anda dengan aktiviti pada kad ini.





Huraikan kod ini



Terdapat banyak cara untuk memakai batik. Terdapat nama yang berbeza-beza untuk kain tersebut, bergantung pada cara ia dijahit dan dipakai.

Batik-batik BINhouse yang dipamerkan di sini dibuat untuk fleksibiliti – ia boleh dipakai dengan cara yang berlainan.

Apakah beberapa nama untuk pakaian batik? Bolehkah anda huraikan kod ini dengan menggunakan petunjuk di bawah? Isi tempat kosong dengan jawapan anda!



Ia adalah sehelai batik yang tidak dijahit yang dipakai sebagai kain panjang berbalut oleh lelaki dan wanita.



Untuk membuat pakaian ini, hujung batik dijahit bersama untuk membentuk skirt berbentuk tiub.



Kain ini boleh dipakai sebagai tudung di kepala, leher, dan bahu.





Bolehkah anda nampak ini?

Pakaian seragam pramugari ikonik ini berbentuk kebaya sarong, iaitu skirt batik berbentuk tiub yang dipakai dengan blaus. Pakaian seragam itu direka oleh Pierre Balmain, seorang pereka terkenal Perancis, pada tahun 1968.

Huraikan garisan

Selama bertahun-tahun fesyen telah berubah, tetapi dapatkah anda melihat bagaimana batik telah digunakan untuk membuat gaya pakaian yang berbeza? Cari pakaian ini di dalam pameran dan huraikan garis berwarna di bawah untuk mengenal pasti tempoh masa yang betul untuk setiap gaya pakaian.







Bolehkah anda nampak ini?

Beberapa baju batik yang dipamerkan di sini pernah dipakai oleh pemimpin Singapura dan Malaysia pada majlis-majlis penting. Pada mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 1994 di Bogor, Indonesia, Perdana Menteri Singapura ketika itu, Encik Goh Chok Tong, telah diberikan baju bercetak batik seperti ini. Adakah anda mengenali jenis bunga yang dicetak pada baju ini? Ia adalah orkid yang bertujuan untuk mewakili Singapura!

Reka dan lukiskan



Tugas anda: reka baju batik yang mewakili negara anda. Ikon atau imej yang manakah akan anda gunakan? Serta warna apa yang akan anda pilih?
Lakukan pada baju di sini!






Jadi seorang pereka fesyen




Terinspirasi daripada batik yang dipamerkan?

Dengan menggunakan bahan seni dan kraf, cubalah reka pakaian dengan beberapa corak dan motif kegemaran anda dari pameran ini.

Anda boleh menggunakan halaman pelekat dalam pek aktiviti kami untuk membantu anda dalam rekaan anda!





Gunakan pelekat di sini untuk membantu anda dengan aktiviti pada kad ini.

